



**KERATAN AKHBAR**

SURAT KHABAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 7/1/2020	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: <b>PERHATIAN</b>		

# Budak cedera parah diserang kera

Mangsa digigit ketika sedang melihat telefon bimbit di kedai makan

Oleh NOR KHAJILAH GUSTI HASSAN

**KUANTAN**

**S**eorang kanak-kanak lelaki cedera parah selepas diserang kera di sebuah kedai makan di Lebuhraya Muadzam Shah, Rompin dekat sini Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputy Superintendan Azari Miskun berkata, dalam kejadian pada jam 3.30 petang itu, mangsa, Syed Nur Akif Rizqi Syed Ahmad, 3, diserang dan digigit kera berkenaan ketika sedang menonton video di telefon bimbit.

Menurutnya, ketika kejadian difahamkan ibunya sedang meng-



Syed Nur Akif Rizqi cedera di kepala dan badan akibat digigit kera di sebuah kedai makan di Lebuhraya Muadzam Shah, Rompin Khamis lalu.

ambil makanan sebelum mendingar jeritan mangsa dan bertindak menghalau haiwan itu.

"Berdasarkan laporan diterima, kanak-kanak itu digigit kera yang sering berkeliaran di

kawasan kedai berkenaan.

"Mangsa yang cedera di kedua bahagian kaki, kepala dan belakang badan kini dirawat di Hospital Segamat dan dilaporkan stabil," katanya dalam satu

kenyataan di sini semalam.

Azari berkata, kejadian berkenaan sudah dimaklumkan kepada Jabatan Pertindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang untuk

tindakan lanjut.

"Bertindak atas laporan dibuat, Perhilitan menjalankan operasi dengan mengesan kera itu sebelum haiwan itu berjaya ditangkap," katanya.